

**SEJARAH ASAL USUL DAN PERUBAHAN
SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MINANGKABAU
DI DAERAH HULU LANGAT DARI TAHUN
1860-2015**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**SEJARAH ASAL USUL DAN PERUBAHAN
SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MINANGKABAU
DI DAERAH HULU LANGAT DARI TAHUN
1860-2015**

SITI NUR KHADIJAH BINTI MOHD AZLI



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **SEJARAH ASAL USUL DAN PERUBAHAN SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MINANGKABAU DI DAERAH HULU LANGAT DARI TAHUN 1860-2015**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **SITI NUR KHADIJAH BINTI MOHD AZLI** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/


TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,



SITI NUR KHADIJAH BINTI MOHD AZLI
BA19110755

Tarikh: 12 OGOS 2022

 **ANITA BINTI ARSAD**
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)


AMRULLAH MARAINING
Pensyarah
Program Sejarah
Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan
Universiti Malaysia Sabah

(Encik Amrullah Maraining)
Penyelia

PENAKUAN

Saya mengaku bertajuk Sejarah Asal Usul dan Perubahan Sosiobudaya Masyarakat Minangkabau di Daerah Hulu Langat Dari Tahun 1860-2015 Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasasn dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya., ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



12 OGOS 2022

SITI NUR KHADIJAH BINTI
MOHD AZLI
BA19110755



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SITI NUR KHADIJAH BINTI MOHD AZLI**
NO.MATRIK : **BA19110755**
TAJUK : **SEJARAH ASAL USUL DAN PERUBAHAN SOSIOBUDAYA
MASYARAKAT MINANGKABAU DI DAERAH HULU
LANGAT DARI TAHUN 1860-2015**
IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**
BIDANG : **SEJARAH**
TARIKH VIVA : **12 OGOS 2022**



1. PENYELIA
Encik Amrullah Maraining

DISAHKAN OLEH;

Tandatangan


AMRULLAH MARAINING
Pensyarah
Program Sejarah
Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan
Universiti Malaysia Sabah

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan kurniaan dan rahmat dariNya, saya berjaya menyiapkan tesis ini dengan jayanya dengan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Selain itu, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada penyelia saya Encik Amrullah Maraining di atas segala panduan dan tunjuk ajar serta semangat yang diberikan oleh beliau sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pensyarah-pensyarah di bawah program Sejarah atas tunjuk ajar mereka sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah.

Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Mohd Azli bin Mat Zin dan Rohani Binti Mat Yajid dan adik beradik saya kerana telah memberikan kata-kata semangat untuk menyiapkan kajian ini. Selain itu, saya ingin ucapkan terima kasih kepada ibu saudara saya iaitu Siti Aishah Binti Mat Yazid yang telah memberikan idea untuk melakukan kajian ini. Tidak lupa juga kepada ibu saudara saya iaitu Siti Romilah binti Mat Yajid yang sering membantu saya untuk menemani saya membuat mencari bahan kajian di perpustakaan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat baik saya iaitu Ain Najwa Binti Kasim yang tidak lelah untuk membantu saya ketika saya melakukan kerja lapangan. Seterusnya, saya ingin berterima kasih kepada para informen yang memberikan kerjasama meskipun pandemik Covid-19 masih dalam keadaan yang tinggi tetapi sanggup membantu saya mendapatkan maklumat berkaitan kajian saya.

Akhir kata, terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu dan memberikan dorongan untuk saya sentiasa bersemangat dan bersabar dalam menghasilkan kajian ini.

Siti Nur Khadijah Binti Mohd Azli
12 Ogos 2022

ABSTRAK

Penyelidikan ini mengenai sejarah asal usul dan perubahan sosiobudaya masyarakat Minangkabau di Daerah Hulu Langat. Masyarakat Minangkabau ini merupakan satu masyarakat yang mempunyai tradisi merantau. oleh itu, tradisi ini telah menyebabkan mereka ingin meningkatkan taraf kehidupan mereka dan ia menjadi faktor utama kepada mereka untuk berhijrah ke Tanah Melayu. Sejarah penghijrahan masyarakat Minangkabau ini juga termasuk pemilihan penempatan, ekonomi dan budaya. Masyarakat Minangkabau juga merupakan masyarakat yang mempunyai sosiobudaya yang unik dan tersendiri sehingga mereka membawa adat tradisi dari tempat asal ke daerah rantau seperti di Tanah Melayu. Namun begitu, aspek sosiobudaya ini dilihat semakin terhakis dan semakin menunjukkan perubahan pada masa kini terutama setelah mereka lama menetap di kawasan luar dari lingkungan adat mereka. Jika masyarakat Minangkabau tidak berusaha untuk memelihara sosiobudaya mereka, maka generasi muda Minangkabau akan sukar untuk memahami sosiobudaya mereka dengan lebih mendalam.

Kata kunci: Sejarah asal usul, Minangkabau, perubahan sosiobudaya



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

HISTORY OF THE ORIGIN AND SOCIO-CULTURAL CHANGES OF THE MINANGKABAU SOCIETY IN HULU LANGAT DISTRICT FROM 1860-2015

This research is about the history of the origin and socio-cultural changes of the Minangkabau community in Hulu Langat District. The Minangkabau community is a community with a special tradition. therefore, this tradition has caused them to want to improve their standard of living and it is the main factor for them to migrate to Malaya. The migration history of the Minangkabau community also includes the selection of settlements, economy, and culture. The Minangkabau community is also a community that has a unique and distinctive socio-culture so that they bring traditional customs from their place of origin to regions such as Malaya. However, this socio-cultural aspect is seen to be increasingly eroded and increasingly showing changes in the present, especially after they have long settled in areas outside of their traditional environment. If the Minangkabau community does not try to preserve their socio-culture, then the young Minangkabau generation will find it difficult to understand their socio-culture more deeply.

Keywords: *history of origin, Minangkabau, socio-cultural change*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	ii
PENGAKUAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI PETA	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI FOTO	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Sorotan Literatur	13
1.6 Skop Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.8 Kaedah Kajian	16
1.9 Pembahagian Bab	17
1.10 Kesimpulan	18

**BAB 2 : ASAL USUL MASYARAKAT MINANGKABAU DAN
KEDATANGAN KE DAERAH HULU LANGAT**

2.1	Pengenalan	19
2.2	Asal Usul Masyarakat Minangkabau	23
	2.2.1 Budaya Masyarakat Minangkabau	28
	2.2.2 Tambo Minangkabau	29
	2.2.3 Alam Minangkabau	31
	2.2.4 Kedatangan dan Pertapakan Awal Etnik Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu	40
2.3	Latar Belakang Daerah Hulu Langat	42
2.4	Masyarakat Minangkabau di Daerah Hulu Langat	47
2.5	Kesimpulan	47

**BAB 3 : BUDAYA DAN KONSEP MERANTAU DALAM MASYARAKAT
MINANGKABAU**

3.1	Pengenalan	48
3.2	Teori-teori Penghijrahan	52
3.3	Konsep Merantau	56
3.4	Jenis-jenis Rantau	56
	3.4.1 Rantau Politik	57
	3.4.2 Rantau Pendesaan	58
	3.4.3 Rantau Kota	59
3.5	Faktor-faktor Merantau atau Penghijrahan	59
	3.5.1 Faktor Penolak	61
	3.5.2 Faktor Penarik	63
3.6	Penempatan di Selangor dan Kuala Lumpur	69
3.7	Kesimpulan	69

**BAB 4 : PERUBAHAN SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MINANGKABAU
DI DAERAH HULU LANGAT**

4.1	Pengenalan	70
4.2	Sosiobudaya Masyarakat Minangkabau	72
4.3	Konsep Adat Masyarakat Minangkabau	74
	4.3.1 Adat Nan Sabana Adat	75
	4.3.2 Adat Nan Diadatkan	76
	4.3.3 Adat Nan Teradat	77
	4.3.4 Adat Istiadat	78
4.4	Perubahan Sosiobudaya Masyarakat Minangkabau di Daerah Hulu Langat	78
	4.4.1 Tradisi Berumah	82
	4.4.2 Bahasa Pertuturan	84
	4.4.3 Upacara- upacara Adat Minangkabau	85
	a. Upacara Adat Perkahwinan	97
	b. Upacara Adat Kematian	106
4.5	Kesimpulan	106
	BAB 5 : KESIMPULAN	110
	RUJUKAN	117
	LAMPIRAN	119

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1: Sumatera Barat	4
Peta 2.2: Darek dan Rantau di Sumatera Barat	29
Peta 2.3: Aliran Penghijrahan Perantau Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu	39



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.2: Kedatangan Orang Sumatera ke Tanah Melayu 1931 dan 1947	40
Jadual 2.3: Merantau	64



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

		Halaman
Foto 4.1:	Rumah Gadang di Kampung Sesapan Batu Rembau	82
Foto 4.2:	Pakaian Tradisional Pengantin Minangkabau	97



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
LAMPIRAN A:	Soalan Temu Bual	118
LAMPIRAN B:	Sesi Temu bual bersama Encik Rahim Adam	119



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat minangkabau merupakan kumpulan etnik Nusantara yang dikatakan menuturkan bahasa dan adat Minangkabau. Etnik ini menguasai Sumatera Barat, separuh daripada darat Riau, bahagian utara Bengkulu, bahagian barat Jambi, Selatan Sumatera Utara, barat daya Aceh.¹ Namun demikian, alam minangkabau juga disebut untuk menjelaskan perkembangan atau dimana sebenarnya pengaruh orang Minangkabau ini. Meskipun ia sering dikaitkan atau beridentitikan dengan Sumatera Barat, namun begitu, geografi Minangkabau dilihat tidak sama dengan daerah geografi Sumatera Barat kini. Hal ini dikatakan demikian kerana wilayah Minangkabau yang disebut dengan Alam Minangkabau ternyata lebih luas daripada Sumatera Barat. Alam Minangkabau ini difahamkan jauh lebih luas daripada batas-batas Sumatera Barat kini.²

Secara tradisinya kawasan-kawasan yang terletak di bawah pengaruh Minangkabau disebut Alam Minangkabau dan Alam ini juga terdiri daripada kesatuan geografi, politik, ekonomi, dan kebudayaan, yang disebut sebagai *darek*, *peisir* dan *rantau*. *Darek* ini secara tradisionalnya terbahagi kepada tiga luhak, iaitu disebut dengan *luhak nan tigo*. Dataran tinggi lembah-lembah puncak bukit Barisan, atau lembah dataran tinggi gunung Tandikat- Singggalang-Merapi, dikenali dengan istilah Minangkabau asli. Mengikut kepada lagenda, masyarakat Minangkabau ini berasal dari keturunan Raja Iskandar Zulkarnain. Raja Zulkarnain mempunyai tiga orang

¹ Rahilah Omar dan Nelmawarni. Negeri Sembilan: Rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*, 9(2), 2008, hlm. 2

² *Ibid.*,

putera; Sutan Maharaja Alif, Sutan Maharaja Depang dan yang ketiga Sutan Maharaja Diraja. Puteranya yang pertama iaitu Sutan Maharaja Alif memerintah di Banuruhum, Sutan Maharaja Depang memerintah di China dan Sutan Maharaja Diraja terus ke Pulau Perca iaitu Sumatera dan memerintah di Periang Padang panjang, di kaki Gunung Merapi. Menurut lagenda lagi, Sutan Maharaja Diraja ini bersama pengiring-pengiringnya telah sampai ke Gunung Merapi dengan menggunakan dan menaiki sampan dan puncak gunung tersebut dikatakan hanya sebesar telur ayam dan semua tanah tersebut masih berada dibawah dasar laut.³

Daerah ini merupakan daerah asal Minangkabau dengan ibu kotanya Pariangan Padang Panjang, dan terdapat pusat kebudayaannya adalah Pagaruyung Batu Sangkar, yang dikenali sebagai Luhak Tanah Datar. Manakala Lembah dataran tinggi gunung Singgalang-Merapi atau sekeliling Bukit tinggi dikenali sebagai Luhak Agam manakala lembah dataran tinggi gunung Sago atau di sekitar Payakumbuh digelar Luhak Lima Puluh Kota. Bagi pesisir pula, ia merujuk kepada daerah rendah yang terletak di sebelah barat bukit Barisan dan sempadan dengan Samudera Indonesia. Daerah pesisir ini terbahagi kepada kesatuan-kesatuan politik, ekonomi dan budaya sejarah menurut nama daerah atau kota dagang seperti di Tiku dan Pariaman. Rantau pula merupakan lembah-lembah sungai dan anak-anak sungai yang berasal dari daerah pergunungan Bukit Barisan dan bermuara di Selat Melaka, mahupun di Laut China Selatan dan ia merupakan sambungan selanjutnya dari tanah air orang Minangkabau dan ia terdiri daripada rantau riak nan Badabur iaitu daerah Tiku Pariaman, rantau 12 Kota di batang Sangir iaitu sepanjang Batang Hari dan Sungai Siak sampai ke batas Jambi ke Kerajaan Singuntur di Sungai Dareh, Sitiung dan Koto Gadang, Rantau Nan Kurang Aso Duapuluh, rantau Sudaro nan 44, rantau Kampar Kanan dan Kampar Kiri sampai ke batas kerajaan Siak Sri Indrapura, rantau Juduhan atau rantau dari yang Dipertuan Maharaja Bungsu, Rantau Bayang Nan Tujuh, Rantau Bandar Sepuluh, rantau Singkil Tapak Tuan, dan rantau Negeri Sembilan di Semenanjung Malaysia.

³ Tsuyoshi Kato, *Matriliney and Migration: Envolving Minangkabau Traditions in Indonesia*, Ithaca and London: Cornell University Press, 1982, hlm. 1

Di Indonesia, terdapat sebanyak 3000 pulau dan masyarakat Minangkabau merupakan salah satu daripada 140 kumpulan etnik yang tersebar di pulau-pulau tersebut.⁴ Pemerintah Belanda telah menjalankan banci pada tahun 1930 mengatakan bahawa bilangan orang Minangkabau dikalangan penduduk peribumi hanya sebanyak 3% sahaja, namun mereka masih kumpulan etnik yang keempat terbesar. Orang Jawa pula mewakili sebanyak 47%, Orang Sunda 15% dan Orang Madura 7%. Dalam sejarah moden Indonesia, masyarakat Minangkabau ini mempunyai peranan yang penting tetapi ia tidak seimbang dengan bilangan mereka. Peranan mereka diperingkat nasional dikatakan begitu jelas ketika tahun 50-an yang merangkumi pelbagai bidang iaitu bidang penulisan, politik dan juga perniagaan.⁵


Di Daerah Sumatera Barat, tempat tinggal orang atau masyarakat Minangkabau dikatakan meliputi kira-kira 18,000 batu persegi tanah yang memanjang dari utara ke selatan antara Lautan Hindi dan banjaran gunung Bukit Barisan (lihat Peta 1.1). Bahagian darek Sumatera Barat atau pedalaman sebahagian besarnya terdiri daripada bukit bukau yang mempunyai beberapa kawasan tanah datar yang tinggi dan bahagian pantainya yang panjang (rantau pesisir) membujur merupakan kawasan tanah rata yang terdapat paya. Pelbagai pertanian dijalankan di Sumatera Barat kerana tanahnya yang subur dan pada merupakan hasil pertanian utama dan tanaman seperti getah, kelapa kering, kopi, gambir dan kulit kayu manis serta cengkik ini merupakan hasil tanaman untuk jualan. Pada tahun 1971, lebih kurang 2.8 juta orang menetap atau tinggal serta bekerja di Sumatera Barat.

⁴ Hildred Geertz mengatakan bahawa bilangan kumpulan etnik yang dikira bergantung kepada cara bagaimana kumpulan etnik ini diklasifikasikan. Bilangan yang diwakili di sini diterima pakai daripada kategori etnik yang digunakan dalam banci 1930 (Volkstelling 1930, 8:44). Geertz sendiri memberikan sejumlah lebih daripada 300 kumpulan etnik. (Geertz 1967: 24).

⁵ Daripada lima belas penulis utama Indonesia pada tahun 1920-an dan 1930-an, sembilan adalah Minangkabau. (Grave, 1971:3-4). Sumbangan orang Minangkabau kepada kepimpinan Islam, baik dalam bidang politik mahupun pendidikan, amatlah membanggakan (Moer, 1973: 31-35). Kepintaran perniagaan orang Minangkabau memang terkenal. Dikatakan mereka adalah antara segelintir etnik Indonesia yang mampu bersaing dengan kaum cina dalam perniagaan. Pada tahun 1952, *Abadi*, merupakan sebuah akhbar harian Jakarta, menjalankan tinjauan pendapat umum untuk menentukan orang yang paling terkemuka di Indonesia kontemporari. Daripada sepuluh orang yang paling kerap dipilih, empat adalah Minangkabau. Empat individu tersebut yang bernama Mohammad Hatta, Mohammad Natsir, Haji Agus Salim dan Sutan Sjahrir yang merupakan nasionalis (Alamsjah 1952). Seterusnya, orang Minangkabau mengisi 11 % daripada jawatan kabinet antara 1945 dan 1957 (Yasumaka 1970:116). Penonjolan orang Minangkabau dalam bidang ini sebahagiannya disebabkan oleh permulaan awal dalam pendidikan yang mereka perolehi semasa zaman Belanda. Menjelang tahun 1950-an, kelebihan pendidikan ini berbanding kumpulan etnik lain telah mula mengecil. Tambahan pula, pemberontakan wilayah Sumatera Barat pada tahun 1958 telah mengurangkan peranan Minangkabau seterusnya di kancah kebangsaan.

Kawasan ini sebenarnya banyak didominasi oleh orang Cina, Jawa dan juga Batak namun hampir 91% penduduknya terdiri daripada kumpulan etnik Minangkabau.

Peta 1.1 : Sumatera Barat



Sumber : Tsuyoshi Kato, *Matriliny and Migration: Evolving Minangkabau Tradition in Indonesia* (1982)

Mengikuti kepada keadaan topografi di tengah kawasan tinggi ia merupakan kawasan yang tanahnya subur dan berpenduduk padat serta bercorak luar bandar. Di kawasan kampung, terdapat 80% yang menetap di situ. Terdapat sebuah bandar yang terbesar iaitu Padang. Bandar ini merupakan ibu kota dan Bukit Tinggi pula merupakan sebuah bandar yang dianggap penting di Sumatera Barat. Berdasarkan pentadbiran, kawasan luar bandar Sumatera Barat ini terbahagi kepada 8 Daerah atau *Kabupaten*, 73 mukim atau *kecamatan* dan 510 kampung atau *nagari* dan terdapat pula 6 Majlis Bandaran atau *kotamadya*.⁶

Masyarakat Minangkabau mempunyai kepercayaan terhadap agama Islam dan adat matrilineal atau mengikut kepada nasab ibu. ⁷Kehidupan di kawasan teras ditakrifkan oleh cara hidup matrilineal. Ini bermakna terdapat kumpulan kerabat tertentu yang mengikut keturunan wanita seorang ibu. Abang wanita itu bertanggungjawab terhadap anak-anaknya dan bukannya suaminya dan ini

⁶ Tsuyoshi Kato, *op.cit.*, hlm. 22.

⁷ *Ibid.*,

merupakan adat yang dibawa oleh orang Minangkabau. Adat bermaksud peraturan yang telah diamalkan secara turun temurun dalam satu masyarakat sehingga ia menjadi hukum. Seterusnya, masyarakat Minangkabau ini mempunyai adat tradisi yang tersendiri yang tidak mengasingkan adat tradisi dengan hukum agama.⁸ Selain itu, rantau ditakrifkan sebagai pantai, tempat berakhirnya sebatang sungai dan seterusnya. Merantau dalam konteks Minangkabau dikaitkan dengan meninggalkan kampung halaman atau tempat asal untuk mencari harta kekayaan dan meningkatkan nilai kehidupan mereka. Perantau Minangkabau di Malaysia Barat yang terbesar di Negeri Sembilan iaitu di Sungai Ujong Rembau dan Naning. Pada abad kelima belas dipercayai bermula pola perpindahan ini.⁹

Seterusnya, masyarakat Minangkabau ini dilihat banyak merantau atau datang ke Tanah Melayu. Kedatangan mereka juga sebenarnya telah berlaku dan bermula sejak zaman pemerintahan Melaka lagi. Mereka mudah untuk bergerak atau merantau ke kawasan ini kerana faktor geografi yang membantu mereka dimana kedudukan pulau Sumatera yang hampir atau dekat dengan Selat Melaka. Keadaan ini telah menyebabkan mereka berulang alik disebabkan urusan perdagangan dan juga perikanan. Masyarakat Minangkabau ini juga dilihat memilih Tanah Melayu sebagai tempat untuk merantau kerana hubungan di antara kedua-dua kawasan ini yang melibatkan adat tradisi masyarakat rumpun Melayu yang sama dan perkara ini telah menyebabkan berlakunya pergerakan.

Pergerakan ini juga dikaitkan dengan kepentingan tradisi merantau yang sentiasa diberi keutamaan dalam rumpun Melayu dan dalam sistem sosial masyarakat Minangkabau, mereka menjadikan merantau ini sebahagian daripada tradisi mereka kerana dengan merantau mereka dapat mengubah status sosial serta ekonomi seseorang individu dan keluarganya. Dalam sistem sosialisasi masyarakat Minangkabau, tradisi merantau ini telah diterapkan sejak peringkat kanak-kanak lagi kerana mereka dilatih untuk berpisah dengan keluarga mereka. Mereka menggalakan kanak-kanak lelaki untuk tidur di dalam surau disebabkan surau mempunyai banyak fungsi dan tidak hanya sebagai pusat atau tempat beribadat malah ia juga sebagai

⁸ Alexander Stark, *The Matrilineal System of the Minangkabau and its Persistence Throughout History: A Structural Perspective*, *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, Vol 13, 2013, hlm. 2.

⁹ Tsuyoshi Kato, *op.cit.*, hlm 23.

tempat kegiatan pendidikan, agama, sosial dan juga tempat penginapan untuk para perantau untuk beristirahat. Perantau juga banyak memberi khabaran atau berita kepada penduduk kampung ketika mereka berada di surau tersebut. Perantau Minangkabau juga menggunakan pepatah bagi memberi galakan kepada anak-anak remaja iaitu "jangan mengapik di ketiak urang ghaik".¹⁰

Masyarakat Minangkabau juga merupakan masyarakat yang membawa adat mereka meskipun mereka tinggal di kawasan bukan dalam lingkungan masyarakat mereka. Pelbagai sosiobudaya yang telah mereka bawa daripada tempat asal mereka ke kawasan rantau terutama merantau di Tanah Melayu. Namun begitu, sosiobudaya mereka dilihat semakin terhakis dan mengalami perubahan atas faktor perubahan masa dan juga tempat tinggal mereka.

1.2 Permasalahan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah meletakkan satu hipotesis bahawa hasil daripada penghijrahan orang Melayu Minangkabau ke Daerah Hulu Langat telah menyebabkan perubahan terhadap sosiobudaya masyarakat ini khususnya aspek adat mereka seperti adat perkahwinan, rumah adat, bahasa dan juga upacara yang dimiliki oleh mereka disebabkan mereka sudah tidak berada di dalam lingkungan tempat asal mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Minangkabau merupakan masyarakat Melayu yang menjunjung adat mereka dan pengkaji ingin mengetahui sama ada perubahan sosiobudaya tersebut berlaku di Daerah Hulu Langat kerana kajian mengenai masyarakat Minangkabau di daerah tersebut tidak diketengahkan kerana kebanyakan penulis memberi fokus kepada masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan dan kajian tentang perubahan sosiobudaya ini dilihat kurang dan agak umum.

Sebenarnya, di Daerah Hulu Langat dilihat diduduki oleh orang-orang Melayu yang berhijrah dari Sumatera. Sebenarnya, orang-orang Melayu ini yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Jawa, Mendeleng atau Mandailing dan

¹⁰ Rafidah Anum Bt Malek, *Dari Padang ke Seremban: Satu Kajian Kes Mengenai Sebuah Kelompok Perantau Minangkabau di Ampangan 1975-1995*. Tesis Sarjana, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 6.

Rawa yang berperanan dalam membuka kawasan-kawasan di Hulu Langat dan membuat petempatan masing-masing. Selain itu, negeri Selangor merupakan salah satu negeri di pantai barat Semenanjung Melayu yang telah mendapat perhatian masyarakat Minangkabau. Sejarah pembukaan kampung oleh masyarakat Minangkabau di Selangor mula dikesan dan meningkat perkembangannya setelah pertengahan abad ke-19. Malah sebelum British mengambil alih pentadbiran secara rasmi, orang Melayu telah sudah pun mendirikan penempatan mereka di sekeliling lembah sungai di setiap daerah, seperti Kuala Langat, Hulu Langat, Klang, Kuala Selangor atau Kuala Kubu dan Kuala Lumpur. Kawasan ini tidak diterokai secara meluas sebelum era pentadbiran British. Hulu Langat boleh dikatakan antara kawasan tertua di negeri Selangor, dipercayai mempunyai telah diterokai pada tahun 1860.¹¹

1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa persoalan yang ingin dihuraikan atau dirungkaikan oleh pengkaji. Antaranya ialah:

- a) Apakah faktor yang menyebabkan masyarakat Minangkabau berhijrah atau merantau?
- b) Bagaimanakah masyarakat Minangkabau membina penempatannya di Daerah Hulu Langat?
- c) Bagaimanakah masyarakat Minangkabau mengekalkan tradisi dan budayanya di luar lingkungan asal?

¹¹ Bungo, Nelmawarni, Nordin Hussin, Rahilah Omar and Aishah Bidin. "Early settlements of the minangkabaus community in Selangor." *Pertanika Journal of Social Science and Humanities* 20, hlm. 934.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu:

1. Membincangkan sejarah asal usul masyarakat Minangkabau dan penghijrahan ke Daerah Hulu Langat.
2. Menjelaskan budaya dan konsep merantau, teori-teori penghijrahan dan penempatan di Selangor dan Kuala Lumpur.
3. Mengkaji perubahan sosiobudaya masyarakat Minangkabau di Daerah Hulu Langat.

1.5 Sorotan Literatur

Bahagian ini pengkaji akan memberikan fokus kepada sorotan-sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan sejarah asal usul masyarakat Minangkabau, Penghijrahan masyarakat Minangkabau dan adat-adat tradisi Minangkabau.

Tema 1: Sejarah Asal Usul Masyarakat Minangkabau

Penulisan yang berkaitan asal usul orang Melayu Minangkabau dilihat agak banyak dan mudah untuk dijadikan sebagai rujukan, namun penulisan tersebut kebanyakannya banyak menggunakan terma-terma atau perkataan-perkataan daripada dialek Minangkabau itu sendiri memerlukan pemahaman yang terperinci. Bagi adat tradisi pula, banyak adat tradisi orang Melayu Minangkabau ini dijelaskan atau dibincangkan dengan memberi fokus kepada orang Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan. Antara rujukan atau penulisan ilmiah yang dijadikan sebagai rujukan pengkaji bagi memahami tentang tema asal-usul atau latar belakang masyarakat Minangkabau ialah Sejarah Perkembangan Pers Minangkabau (1859-1945), karya Yuliandre Darwis, Ph.D (2013).

Buku ini menerangkan sejarah asal- usul orang Minangkabau sebelum dan selepas menerima Islam, adat-adat mereka dan juga budaya tempatan yang dijalankan oleh masyarakat ini. Menurut buku ini, terdapat satu perang yang digelar

Perang Padri. Peperangan ini merupakan peperangan yang terketus di antara Kaum Adat dan Ulama. Watak utama yang paling penting dalam peperangan ini ialah Tuanku Imam Bonjol. Perang ini dikatakan terketus apabila Tuanku Imam Bonjol pulang ke tanah airnya setelah menunaikan ibadah Haji dan beliau ingin menghapuskan adat istiadat tempatan atau tradisi yang telah melanggar ajaran Islam seperti menyabung ayam, mengunyah sirih, dan meminum air tuak dan ia telah ditentang oleh rakyat Minangkabau. Perang ini menunjukkan karakter dinamik orang Minang semakin jelas telah muncul. Seterusnya, suku Minangkabau terus melakukan penjelajahan wilayah dan mendirikan kediaman baru di luar tanah kelahiran.¹²

Selain itu, jurnal juga turut dijadikan sebagai rujukan dalam menghasilkan kajian ini. Jurnal yang menjadi pilihan ialah Jurnal Pendidikan Sejarah yang bertajuk Negeri Sembilan: Rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu. Jurnal ini ditulis oleh Rahilah Omar dan Nelmawarni (2008). Jurnal ini dipilih kerana ia menerangkan asal-usul tempat kelahiran orang Minangkabau ini yang begitu luas kawasan petempatan dan pengaruh mereka. Penulis mengatakan Minangkabau yang sering dikaitkan dengan Sumatera Barat itu masih tidak luas petempatan mereka tetapi perkembangan sejarah Minangkabau menunjukkan bahawa daerah geografis Minangkabau tidak sama dengan daerah geografis Sumatera Barat sekarang. Oleh itu, terdapat wilayah Minangkabau yang digelar dengan Alam Minangkabau yang ternyata lebih luas daripada Sumatera Barat.¹³

Selain itu, terdapat juga buku yang bertajuk "Minangkabau: Dari Dinasti Iskandar Zulkarnain Hingga Tuanku Imam Bonjol" yang ditulis oleh Amir Sjarifoedin Tj. A. Buku ini menjelaskan bahawa Minangkabau bukanlah sebuah kerajaan, tetapi lebih mendekati pengertian kebudayaan, di samping makna geografi dan etnik. Penduduk yang mendiami wilayah ini merupakan suku bangsa yang unik di Indonesia. Hal ini dikatakan demikian kerana sistem kekeluargaan matrilineal menjadi identity bagi masyarakat Minangkabau dan kini etnik ini satu-satunya kelompok masyarakat

¹² Yulandre Darwis. *Sejarah Perkembangan Pers Minangkabau (1859-1945)*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama. 2013, hlm. 3

¹³ Rahilah Omar dan Nelmawarni. Negeri Sembilan: Rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*, 9(2), 2008, hlm. 1-32.